KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KKDW PERKUKUH TVET, PERLUAS PELUANG KERJAYA BERGAJI TINGGI BAGI ANAK DESA

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan tenaga mahir yang memenuhi keperluan industri, menguasai teknologi baharu dan berdaya saing di peringkat global menerusi penganjuran Ekspo TVET@KKDW 2026 pada 23 hingga 25 Oktober 2026 di Pekarangan Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor.

Ekspo ini menjadi platform untuk mendekatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran kepada masyarakat, khususnya anak muda luar bandar, melalui pendedahan kepada institusi TVET, tenaga pengajar, wakil industri serta peluang kerjaya dan keusahawanan.

Bagi separuh pertama 2026, sebanyak RM218.5 bilion pelaburan telah diluluskan di Malaysia dengan potensi mewujudkan 99,030 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, 65.2 peratus melibatkan sektor berkaitan kemahiran. Sehubungan itu, peruntukan TVET ditingkatkan daripada RM7.9 bilion kepada RM8 bilion menerusi Belanjawan 2027 bagi memperkukuh ekosistem latihan dan kebolehpasaran graduan.

Antara usaha memperluas peluang pekerjaan ialah Program *Fast Track & Direct Industry Intake* melalui kerjasama MARA menerusi Malaysia-China *Institute* dengan Samsung SDI Energy Malaysia, yang menyediakan laluan pekerjaan kepada 200 graduan TVET MARA dalam industri bateri kenderaan elektrik dengan gaji sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan.

KKDW turut menggariskan tiga inisiatif strategik TVET, iaitu Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW, TVET Jana Desa dan Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW, yang memberi tumpuan kepada padanan latihan dengan pekerjaan, pembangunan usahawan teknikal serta penerapan teknologi baharu dalam perusahaan desa.

Melalui Ekspo TVET@KKDW 2026 dan kerjasama bersepadu antara kerajaan, institusi pendidikan serta industri, KKDW komited memastikan anak desa mendapat akses kepada latihan berkualiti, peluang kerjaya berpendapatan tinggi dan ruang untuk membina perusahaan sendiri demi masa depan yang lebih sejahtera.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
25 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my